

# UMS cungkil bakat pelibas

UB 12-6-13 A14

**KOTA KINABALU:** Kejohanan Sepak Takraw antara Sekolah-sekolah pengajian Universiti Malaysia Sabah (UMS) 2013 telah diadakan baru-baru ini.

Kejohanan yang dianjurkan oleh Pusat Sukan itu antara lain bertujuan untuk mencari bakat baru di samping sebagai wadah ke arah melahirkan mahasiswa yang sihat dan berdaya saing.

Kejohanan itu telah merealisasikan impian pasukan Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial (SPPS) untuk mempertahankan gelaran juara apabila berjaya memenangi kesemua perlawanan.

Aksi perlawanan akhir menentang pasukan Sekolah Pengajian Seni (SPS) nyata menghiburkan para penonton yang hadir apabila kedua-dua pasukan mempamerkan kemahiran masing-masing dalam satu perlawanan sengit yang berlanjutan hingga ke set yang ketiga.

Namun tuah berpihak kepada pasukan SPPS yang menang 21-13 pada set pertama sebelum tewas 20-22 dan menang 15-10 pada set penentuan.

Kejayaan itu sekaligus menobatkan SPPS sebagai

juara dan SPS selaku Naib Juara. Manakal tempat ketiga jatuh kepada pasukan Sekolah Sains Sosial (SSS).

Dalam pada itu jurulatih sepak takraw UMS, Ahirunnisham Ahmad ketika ditemui berkata, beliau sangat berbangga dengan pencapaian prestasi yang telah ditunjukkan oleh setiap pemain yang menyertai kejohanan tersebut.

“Saya berharap agar kejohanan seperti ini dapat diteruskan lagi ke arah memartabatkan lagi sukan sepak takraw sehingga ke persada antarabangsa,” ujarnya.

Antara kunci kejayaan pasukan SPPS termasuklah suntikan semangat dan tunjuk ajar daripada pensyarah mereka iaitu pakar pembelajaran motor, Pathmanathan K. Suppiah dan Pakar Psikologi Sukan, Hasnol Noordin selain Dr. Mohamad Nizam Nazarudin yang membantu dari segi kecergasan fizikal.

Sebanyak 10 sekolah pengajian universiti Eko Kampus itu yang telah mengambil bahagian dalam kejohanan tersebut yang berlangsung di Kompleks Sukan UMS.



**PASUKAN SPPS ( kuning) beradu kehandalan di peringkat akhir bertemu pasukan SPS (merah).**